

# Lebih seorang rompak mesin ATM

KOSMO 24/06/08 MS 6

KUALA LUMPUR - Polis percaya kejadian merompak mesin penge-  
luaran wang automatik (ATM) di  
sebuah stesen minyak di Batu 6 1/2,  
Jalan Klang Lama di sini pagi kel-  
marin membabitkan lebih daripada  
seorang.

Timbalan Ketua Polis Daerah  
Brickfields, Supritendan Azri Abdul  
Rahman berkata, polis sedang ber-  
kerja keras mengenal pasti sus-  
pek-suspek tersebut dan setakat ini  
belum ada sebarang petunjuk.

"Kita sedang mengumpul ketera-

ngan saksi yang melihat kejadian itu  
tetapi setakat ini hanya seorang pe-  
ngawal keselamatan yang mengaku  
melihat kejadian," katanya.

Menurutnya, seorang pekerja  
yang ada di kaunter bayaran pula  
tidak nampak apa-apa kerana dia  
bersembunyi selepas terdengar bu-  
nyu rempuhan kuat.

Jelas beliau, polis kini sedang ber-  
bincang dengan pihak bank bagi me-  
ngetahui jumlah wang yang ada di  
dalam mesin ATM tersebut.

"Wang di dalam mesin ATM itu

dipercayai telah dapat diambil pe-  
rompak itu dengan pelbagai usaha  
termasuk mungkin memecahkan  
mesin itu," kata beliau.

Mengulas lanjut, Azri memberi-  
tahu, semasa rompakan itu, alat  
penggera yang ada di stesen minyak  
itu tidak berfungsi.

"Kamera Litar Tertutup (CCTV) di  
stesen itu memang berfungsi tetapi  
imej kamera tersebut hanya meng-  
hala ke kaunter pembayaran stesen  
minyak itu saja," katanya.

Katanya, polis sedang menyiasat  
kemungkinan terdapat orang dalam  
terlibat.

Mengikut laporan akhbar, seorang  
perompak bertindak nekad dengan  
merempuh cermin hadapan stesen  
minyak itu menggunakan jengkaut  
sebelum menyodok dan menarik ke-  
luar mesin ATM terbabit.

Semasa kejadian pukul 5.30 pagi  
itu, seorang pekerja di stesen minyak  
itu ketakutan dan melarikan diri ke  
dalam sebuah bilik di stesen ter-  
sebut.

Sementara itu, tinjauan di premis  
itu mendapati, pintu cermin yang  
pecah telah diganti dengan papan  
kayu untuk sementara waktu.

Penyelia stesen minyak itu, Mohd.  
Azhari Jamal, 27, berkata, kejadian  
itu tidak disedari pelanggannya dan  
mereka kehairanan apabila melihat  
pintu di premis itu bertukar kepada  
pintu papan.

"Ramai yang bertanya 'apa sudah  
jadi?' dan pekerja saya terpaksa me-  
nerangkan apa yang berlaku," ka-  
tanya ketika ditemui *Kosmo!* sema-  
lam.

Menurut Mohd. Azhari, ini me-  
rupakan rompakan pertama di ste-  
sen minyak yang diusahakannya se-  
lepas ia dibuka hampir empat tahun  
lalu.



MOHD. AZHARI menunjukkan bahagian mesin ATM yang tertinggal selepas ia  
dirompak di sebuah stesen minyak di Jalan Klang Lama kelmarin.